

15/09/1998

BBC sokong tindakan Dr M

KUALA LUMPUR, Isnin - Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) hari ini menyokong penuh tindakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melucutkan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Kabinet dan memecat keahliannya dalam parti, baru-baru ini.

Ahli BBC juga akan menemui Perdana Menteri esok bagi menyatakan sokongan, selain berbincang dengannya mengenai peranan mereka dalam memberi penjelasan kepada rakyat mengapa tindakan itu diambil.

Presidennya, Ruhanie Ahmad, berkata pertemuan itu akan diadakan pada jam 2.30 petang esok di Bilik Mesyuarat Utama, Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Menurutnya, ahli BBC yakin tindakan Dr Mahathir melucutkan Anwar daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dilaksanakan dengan kebijaksanaan, berlandaskan kepentingan agama, bangsa Malaysia dan tanah air.

"BBC juga menyokong segala keputusan, tindakan, strategi dan dasar kerajaan Barisan Nasional (BN) pimpinan Dr Mahathir untuk memulihkan kegawatan ekonomi negara.

"Sokongan ini adalah untuk memperkukuhkan lagi sokongan yang kami ikrarkan kepada Dr Mahathir dalam satu pertemuan khas di bangunan Parlimen pada 8 Oktober 1997," katanya selepas mesyuarat khas di bangunan Parlimen, di sini hari ini.

Seramai 53 ahli kelab menghadiri mesyuarat selama sejam itu, manakala ahli yang tidak dapat hadir dan yang berada di luar negara mengutus surat menyatakan sokongan.

Ruhanie berkata, BBC juga menghormati pendirian Kelab Ahli-ahli Parlimen Umno (UMPG) yang dibuat pada 4 September lalu mengenai pelucutan jawatan dan pemecatan keahlian Anwar sehari sebelum itu.

BBC meminta rakyat memberi sokongan padu kepada kepemimpinan kerajaan untuk menangani masalah semasa secara berhemah dengan penuh keadilan.

"Moga-moga Tuhan akan sentiasa memberi petunjuk ke arah perjuangan di atas jalan yang lurus demi untuk menegakkan kebenaran," katanya.

(END)